

29/01/1997

Laporan seludup balak diserahkan kepada PM

KUALA LUMPUR, Selasa - Ketua Menteri Sabah, Datuk Yong Teck Lee hari ini menyerahkan laporan jawatankuasa Kabinet peringkat negeri berhubung penyeludupan 2,800 balak di Sabah kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, salinan laporan itu dikemukakan kepada Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Jawatankuasa berkenaan ditubuhkan atas arahan Anwar pada 20 Januari lalu untuk menyiasat kes itu.

Mengenai laporan yang diserahkan kepada Dr Mahathir dan Anwar, Yong berkata, ia mengandungi cadangan untuk mengatasi penyeludupan balak di Sabah.

"Semua fakta kini diserahkan kepada pihak berkuasa Persekutuan. Biarlah kementerian dan jabatan yang berkaitan mengambil tindakan menyelesaikan masalah ini," katanya.

(END)